



KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MENERIMA KEPUTUSAN BERKENAAN LALUAN SSP, MENYOKONG SEPENUHNYA USAHA KERAJAAN DALAM MENGURANGKAN KOS

***Garis masa pembinaan berkemungkinan dikaji semula sebagai
hasil perubahan kepada struktur projek***

Kuala Lumpur, 8 Oktober 2018: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menerima dan mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk mengubah struktur projek dari model rakan pelaksana projek kepada kontraktor *turnkey* untuk bahagian pembinaan bertingkat MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

MRT Corp juga menerima keputusan Kerajaan untuk menamatkan kontraktor semasa bagi kerja bawah tanah dan pakej kerja ini akan ditender semula.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata syarikat menyokong sepenuhnya keputusan ini memandangkan ia dibuat atas dasar mengurangkan kos dan menjimatkan wang pembayar cukai.

"Rundingan yang melibatkan Kementerian Kewangan, MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd sebagai rakan pelaksana projek Laluan SSP, dan pihak lain yang telah membawa kejayaan menunjukkan komitmen MRT Corp ke arah membantu Kerajaan mencapai matlamatnya," katanya.

Tambah beliau, pengurangan kos pembinaan bagi bahagian bertingkat Laluan SSP sepanjang 38.7km seperti yang telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan iaitu dari RM22.64 bilion kepada RM17.42 bilion adalah signifikan dan merupakan penjimatan yang baik untuk Kerajaan dan pembayar cukai.

Tambah beliau, pengurangan skop yang terlibat di dalam usaha rasionalisasi kos yang dijalankan tidak melibatkan pengurangan bilangan stesen bertingkat, yang kekal pada 24 buah stesen.

Kemajuan semasa untuk kerja bertingkat ialah 30%.

Untuk kerja bawah tanah Laluan SSP, Shahril berkata MRT Corp akan segera berusaha untuk melaksanakan tender baru yang akan dibuka kepada syarikat antarabangsa.



“Sebaik sahaja kontraktor kerja bawah tanah yang baru telah dilantik, MRT Corp akan memastikan penyerahan kerja yang lancar dari kontraktor sebelumnya MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd. Seperti semua tender yang telah dilaksanakan oleh MRT Corp sebelum ini, kami akan memastikan bahawa proses tender semula adalah benar-benar telus,” katanya, sambil menambah MRT Corp akan terus mematuhi prinsip integriti dan tadbir urus yang baik dalam kegiatan perniagaannya.

Memandangkan kerja bawah tanah kini ialah 39% siap, Shahril berkata bahawa proses penamatan dan tender semula akan menjadi lebih rumit. Garis masa untuk proses ini akan ditentukan sebaik sahaja butiran telah disahkan.

“Berikutan itu, serta perubahan dari model rakan pelaksana projek kepada kontrak turnkey bagi kerja bertingkat, kami percaya keseluruhan garis masa pembinaan Laluan SSP akan dikaji semula,” katanya.

Beliau berkata bahawa perkara paling utama bagi MRT Corp adalah untuk memastikan semua tapak projek, kedua-duanya di atas tanah dan juga bawah tanah, adalah selamat agar ia tidak menimbulkan risiko kepada bangunan dan struktur awam serta persekitarannya.

Beliau menambah bahawa perubahan struktur projek tidak harus menjejaskan piawaian keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang tinggi oleh MRT Corp ke atas rakan pelaksana projek dan kontraktor pakej kerja.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

MRT Corp

Cik Amalina Ghazali

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my

MRT Corp